

## Promosi Beli & Tebus Figura Koleksi Eksklusif NESTLÉ Ready-To-Drink

### Soalan Lazim

#### **Q1: Bagaimanakah cara untuk menyertai Promosi ini?**

- I. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini, beli minima sebanyak Ringgit Malaysia Lima (RM5) ("Pembelian Minima") mana-mana Produk yang turut serta dalam satu resit tunggal dari mana-mana outlet di dalam kedai ("Resit") dan/atau invois dan/atau tangkapan skrin pesanan dari mana-mana platform di dalam talian ("Invois") semasa Tempoh Promosi.
- II. Peserta mesti membuat akaun terlebih dahulu di Laman Web Promosi Beli & Tebus Figura Koleksi Eksklusif NESTLÉ Ready-To-Drink ([www.koleksi eksklusif nestle.com](http://www.koleksi eksklusif nestle.com)) untuk menyerahkan resit bagi mengumpul Setem Digital.
- III. Semasa proses pengumpulan setem, Penganjur akan mengagihkan setem berdasarkan jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam resit yang dihantar. Pengagihan ini akan mengikut panduan satu (1) setem untuk setiap RM5 yang dibelanjakan untuk Produk yang turut serta, dengan had maksimum tiga puluh (30) setem bagi setiap resit. Untuk setiap Ringgit Malaysia Lima (RM5) yang dibelanjakan ke atas Produk yang turut serta, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) Setem Digital. Contohnya, jika peserta membuat pembelian berjumlah RM5.00 dalam satu resit: Satu (1) Setem Digital akan diberikan.
- IV. Setelah berjaya mengumpul enam (6) Setem Digital, peserta akan dapat membuka butang tebus, yang membolehkan mereka menuntut satu (1) Figura Koleksi Eksklusif NESTLÉ RTD.

#### **Q2: Bagaimana jika pembelian saya melebihi RM150.00 dalam satu resit tunggal?**

Bilangan maksimum setem bagi setiap resit ialah tiga puluh (30). Oleh itu, sebarang amaun baki melebihi RM150.00 dalam satu resit tunggal tidak layak menerima setem tambahan. Setiap Resit dan/atau Invois akan diuruskan secara individu, dan jumlah daripada beberapa Resit dan/atau Invois tidak boleh digabungkan.

#### **Q3: Apakah jenis Resit yang diterima sebagai Bukti Pembelian?**

Bagi pembelian di outlet dalam kedai, resit bercetak daripada sistem tempat jualan dianggap sebagai Bukti Pembelian. Bagi pembelian yang dibuat daripada peniaga dalam talian, tangkapan skrin invois diterima. Semua resit mesti mempamerkan tarikh pembelian, produk turut serta yang

dibeli, jumlah pembelian untuk produk turut serta, nombor resit dan nama dan/atau logo kedai atau peniaga dalam talian di mana pembelian dibuat. Walau bagaimanapun, jika resit untuk pembelian di kedai tidak mempunyai logo kedai, ia mesti dicop dengan cop rasmi syarikat kedai tersebut.

**Q4: Adakah Resit bertulisan tangan diterima sebagai Bukti Pembelian?**

Resit bertulisan tangan tidak diterima. Semua Resit mesti dijana melalui sistem tempat jualan yang sah.

**Q5: Adakah terdapat format khusus bagi Resit yang diserahkan sebagai Bukti Pembelian?**

Resit yang diserahkan sebagai Bukti Pembelian atau (“Imej”) mestilah dalam format JPG, JPEG, PNG atau PDF. Sila pastikan bahawa Imej termasuk Butiran Resit yang diperlukan dan/atau Butiran Invois. Imej mestilah jelas dan boleh dibaca, dan saiz fail tidak boleh melebihi 5MB.

**Q6: Berapakah bilangan resit yang boleh Peserta serahkan semasa Tempoh Promosi?**

Peserta boleh menghantar seberapa banyak Resit yang mereka mahu sepanjang Tempoh Promosi untuk mengumpul Setem Digital. Namun, setiap peserta hanya boleh membuat satu (1) akaun berdasarkan dokumen pengenalan diri yang sah. Setiap peserta unik didefinisikan sebagai individu dengan nombor identiti yang unik (Kad Pengenalan Negara (MyKad), atau Kad Pengenalan Polis atau Tentera, atau pasport sah, atau MyPR).

**Q7: Apakah produk-produk yang turut serta dalam Promosi ini?**

Produk yang turut serta dalam Promosi ini dikategorikan di bawah kumpulan masing-masing seperti berikut:

<b>Prod Group</b>	<b>No</b>	<b>Product</b>
<b>CAN DRINKS</b>	1	MILO Can 240ml
	2	MILO ICE Can 240ml
	3	MILO KAW Can 240ml
	4	NESCAFÉ Original Can 240ml
	5	NESCAFÉ Mocha Can 240ml
	6	NESCAFÉ Latte Can 240ml
	7	NESCAFÉ Tarik Can 240ml
	8	NESCAFÉ Ice Can 240ml

	9	NESCAFÉ Kopi-O Can 240ml
	10	NESCAFÉ Kopi-C Can 240ml
	11	NESCAFÉ GOLD Latte Can 240ml
	12	NESCAFÉ GOLD Black Can 240ml
	13	LIVELY Lemon Guarana Tea Can 240ml
<b>UHT DRINKS</b>	14	MILO UHT 125ml; 200ml and 1l
	15	MILO CALCIUM PLUZ UHT 200ml
	16	GOODNES Dairy Free Almond & Oat UHT 1L
	17	GOODNES Dairy Free Oat UHT 1L
<b>PET BOTTLES</b>	18	NESCAFÉ Iced Caffe Latte 500ml
	19	NESCAFÉ Iced Cappuccino 500ml
	20	NESCAFÉ Iced Chococino 500ml
	21	NESCAFÉ Iced Caramel 500ml
	22	NESCAFÉ Dairy Free Latte Oat 225ml
	23	NESCAFÉ Dairy Free Latte Almond 225ml
	24	MILO Original 500ml
	25	MILO Boost 500ml
	26	MILO ACTIV-GO Dairy Free Almond 225ml
	27	LIVELY Raspberry Lemon Balm Tea 450ml
	28	LIVELY Lemon Guarana Tea 450ml

**Q8: Siapakah peruncit/kedai yang turut serta dalam Promosi ini?**

Peserta boleh membuat pembelian di semua outlet kedai dan peniaga dalam talian yang menjual produk NESTLÉ RTD yang turut serta.

**Q9: Apakah tempoh kempen untuk Promosi ini?**

Promosi ini bermula pada 00:00:00 pada 23/02/2025 dan berakhir pada 23:59:59 pada 19/04/2025. Walau bagaimanapun, sekiranya Figura Koleksi Eksklusif NESTLÉ RTD ditebus sepenuhnya sebelum tempoh kempen tamat, kempen akan berakhir lebih awal. Peserta dinasihatkan untuk membuat penebusan sebaik sahaja semua setem dikumpulkan.

**Q10: Berapakah umur dan kelayakan untuk penyertaan?**

Promosi ini dibuka kepada semua individu penduduk Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, serta mempunyai dokumen pengenalan yang sah dan alamat kediaman di Malaysia.

**Q11: Bagaimana dan di mana penebusan Figura NESTLÉ RTD Koleksi Eksklusif boleh dilakukan?**

- I. Penebusan hanya boleh dilakukan di Roadshow NESTLÉ RTD yang berlangsung di lokasi dan jadual yang telah diumumkan. Peserta perlu log masuk ke akaun mereka, membuka butang tebus setelah mengumpul enam (6) Setem Digital, dan memilih Roadshow pilihan mereka untuk penebusan. Sekiranya Peserta terlepas lokasi Roadshow pilihan mereka, mereka masih boleh membuat penebusan di lokasi lain.
- II. Selepas berjaya membuat penebusan, peserta boleh log masuk ke akaun mereka untuk mendapatkan Kod Penebusan Unik dalam format Kod QR dan alfanumerik.
- III. Semasa proses penebusan di Roadshow yang dipilih, peserta perlu menunjukkan Kod Penebusan Unik mereka kepada promoter di lokasi untuk pengesahan. Kegagalan untuk menyediakan Kod Penebusan Unik yang sah akan menyebabkan percubaan penebusan gagal.

**Q12: Bolehkah resit Bukti Pembelian diserahkan di mana-mana lokasi Roadshow NESTLÉ RTD?**

Penyerahan resit serta-merta di lokasi roadshow [sama ada salinan digital atau resit fizikal] tidak dibenarkan dan tidak akan diterima. Ini berikutan tempoh kelulusan resit sebelum penebusan iaitu dua puluh empat (24) hingga empat puluh lapan (48) jam.

**Q13: Maklumat lanjut mengenai reka bentuk figura dan ketersediaannya.**

- I. Figura Koleksi Eksklusif NESTLÉ RTD akan diedarkan dalam format Blind Box. Peserta tidak boleh memilih figura yang akan diterima. Kandungan Blind Box adalah rawak, dan peserta akan menerima apa yang disediakan.
- II. Penebusan Figura Koleksi Eksklusif NESTLÉ RTD adalah berdasarkan prinsip “siapa cepat, dia dapat.”
- III. Terdapat sejumlah tiga ratus ribu (300,000) Figura Koleksi Eksklusif NESTLÉ RTD tersedia untuk ditebus sepanjang Tempoh Promosi. Kempen penebusan akan tamat secara rasmi apabila semua figura ditebus sepenuhnya.

**Q14: Apakah Terma dan Syarat lain untuk Promosi ini?**

- I. Penganjur berhak untuk meminta Peserta memberikan butiran peribadi yang tepat (termasuk nama penuh, nombor pengenalan, dan nombor telefon bimbit), salinan fotostat dokumen pengenalan diri, serta salinan asal Bukti Pembelian untuk pengesahan sebelum penebusan dilaksanakan.
- II. Penganjur berhak untuk membatalkan penebusan Figura Koleksi Eksklusif NESTLÉ RTD sekiranya Bukti Pembelian didapati palsu, dipalsukan, atau berkaitan dengan Produk yang tidak benar-benar dibeli.
- III. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan/modifikasi kepada Promosi atau Figura Koleksi Eksklusif NESTLÉ RTD atau akibat daripada sebarang keadaan tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan kerajaan, kekacauan awam, rusuhan, peperangan, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan negara, kejadian sebarang wabak/penyakit berjangkit) dan sebarang tindakan atau kesalahan oleh pembekal atau vendor pihak ketiga.
- IV. Sebarang kos tambahan lain (contoh: kos perjalanan, kos pengangkutan) yang terlibat untuk menebus atau mengutip hadiah perlu ditanggung oleh Peserta dengan kos mereka sendiri.